

(8 Jun 2021) Berita Harian, p. 6
Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan

Trak Vaksin Bergerak mempercepatkan vaksinasi

Inisiatif pastikan Wilayah Persekutuan capai imuniti kelompok lebih awal

Oleh Mahani Ishak
mahani@bh.com.my

Kuala Lumpur: Seramai 1,000 penduduk Projek Perumahan Rakyat (PPR) Kampung Muhibbah menerima vaksin menerusi Projek Rintis Trak Bergerak MY-Medic@Wilayah semalam.

Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri Annuar Musa, berkata kebanyakan penerima itu adalah daripada kalangan warga emas dan juga golongan orang kurang

upaya (OKU).

"Lebih 900 penerima hari ini (semalam) adalah warga emas dan pendaftaran mereka dibantu jawatankuasa penduduk dan kemudian ia diselaraskan dalam aplikasi MySejahtera."

"Ini adalah langkah proaktif untuk merencanakan lagi Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK), sekali gus membolehkan warga Wilayah Persekutuan mendapatkan vaksin dengan cepat.

"Ini juga dapat mengekang penularan pandemik COVID-19 dalam kalangan komuniti berkepadatan tinggi khususnya di PPR, Perumahan Awam (PA) Dewan Bandaraya Kuala Lumpur," katanya ketika meninjau Projek Rintis Trak Bergerak di PPR Kampung Muhibbah di sini, semalam.

Inisiatif Trak Vaksin Bergerak yang akan dilaksanakan Kementerian Wilayah Persekutuan bermula 15 Jun ini, berupaya mem-



Annuar meninjau pelaksanaan program vaksinasi Projek Rintis Trak Bergerak MYMedic@Wilayah di PPR Kampung Muhibbah, Kuala Lumpur, semalam.
(Foto Aswadi Alias/BH)

beri suntikan vaksin COVID-19 antara 15,000 hingga 20,000 dos sehari kepada warga Wilayah Persekutuan.

Ia antara empat langkah yang sedang dan akan dilaksanakan di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan bagi memastikan Wilayah Persekutuan mencapai imuniti kelompok lebih awal, iaitu menjelang akhir Ogos atau awal September ini.

Annuar berkata, projek perintis ini adalah bagi menguji dahulu serta melihat sejauh mana kapasiti yang dapat dilaksanakan.

"Secara umumnya, dari aspek pergerakan (flow) nampak agak sesak, penjarakan fizikal tidak

begitu dipantau dan ia diperbaiki, selain untuk mengharapkan lebih ramai sukarelawan untuk membantu warga emas, OKU berkerusi roda supaya tampil lebih ramai.

"Apa yang perlu diperbaiki lagi adalah tempoh menunggu supaya lebih cepat, berikutan proses untuk rundingan daripada petugas kesihatan memerlukan masa enam hingga tujuh minit adalah tempoh normal," katanya.

Beliau berkata, program rintis itu bertujuan membawakan vaksin kepada rakyat, jadi rakyat tidak perlu melakukan perjalanan dan menunggu terlalu lama.

"Kita menjangkakan selepas mendapat kelulusan, operasi

trak bergerak pada 15 Jun ini adalah 10 buah dan Julai pula kita menggerakkan 39 trak secara serentak.

"Ini berikutan di bawah sistem ini, kapasiti untuk membantu mempercepatkan sehingga 15,000 hingga 20,000 suntikan sehari di Wilayah Persekutuan," katanya.

Warga emas, Tong Onn Keong, 66, berkata beliau gembira sudah mendapatkan suntikan dos pertama dan dijadualkan mendapat suntikan kedua 28 Jun ini.

"Saya mengisi borang seminggu lalu dan hari ini (semalam) dipanggil. Sebenarnya saya tengok di televisyen, agak menakutkan, tetapi apabila disuntik tiada apa-apapun," katanya.